



## Melahirkan Mahasiswa Global

*Mohd Nasir Ibrahim*

### ABSTRAK

*Cabaran semua institusi pengajian tinggi masa kini bukan setakat memastikan mahasiswanya dapat lulus dalam kursus yang ditawarkan tetapi juga dapat menyediakan graduannya supaya dapat bersaing dalam arena global dan lokal (glokal). Dalam masa yang sama graduan-graduan tersebut perlu mengekalkan identiti yang berlandaskan budaya dan jatidiri tempatan. Ini dapat dicapai jika pengisian akademik dan bukan akademik yang diberikan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) seimbang dalam ciri-ciri antarabangsa dan juga tempatan.*

**Kata Kunci:** *glokal, institusi pengajian tinggi (IPT), mahasiswa*

### Pengenalan

Peranan institusi pengajian tinggi (IPT) masa kini semakin mencabar kerana graduan yang dihasilkan dilihat sebagai penggerak sesebuah negara untuk terus maju ke suatu tahap yang lebih tinggi. Graduan-graduan ini jugalah yang bakal melangkah ke arena antarabangsa untuk meneroka dan bekerjasama dengan pihak luar dalam pelbagai bidang yang akan memberi manfaat kepada manusia sejagat. Petronas, dalam laporan kewangan setengah tahun 2008, menyatakan pendapatan pada penggal tersebut adalah RM157.2 billion. Dari jumlah tersebut, sebahagian besar dihasilkan dari operasi antarabangsa yang berjumlah RM68.9 billion (New Straits Times: Disember 2008). Kejayaan Petronas dalam memacu pembangunan negara dan dunia secara amnya adalah hasil dari perancangan strategik pimpinan negara dan juga pengurusan Petronas itu sendiri. Dalam masa yang sama, kejayaan Petronas itu dibantu secara terus oleh sumber tenaga kerja organisasi berkenaan yang tidak pernah kenal penat lelah walaupun mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam dan lebih-lebih lagi di luar negara. Sumber tenaga kerja ini dihasilkan sebahagian besarnya oleh IPT tempatan terutamanya dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Penulis pasti graduan UiTM juga telah memberi sumbangan yang signifikan dalam kejayaan Petronas kerana UiTM telah melahirkan ribuan graduan yang menepati keperluan Petronas untuk berjaya dalam penerokaan sumber minyak dan gas dunia.

### Mahasiswa Glokal

#### Piawaian Global

UiTM menjalankan aktiviti teras pengajaran dan pembelajaran berdasarkan piawaian tertentu dan UiTM telah lama melaksanakan konsep kualiti dalam aktiviti terasnya. Sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1956, UiTM telah berusaha untuk menepati piawaian antarabangsa dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) kerana pihak pengurusan sedar graduan yang dihasilkan bukan semata-mata akan berkhidmat dalam perkhidmatan pentadbiran negara tetapi matlamat utama ialah

untuk menghasilkan graduan yang menepati keperluan pihak swasta yang banyak berpangkalan di luar negara. Dalam erti kata lain, untuk menghasilkan graduan bertaraf global, IPT mestilah melaksanakan P&P yang menepati keperluan dan piawaian global.

UiTM yang telah diperakui oleh berbagai badan profesional antarabangsa dalam menjalankan kursus-kursusnya telah melengkapkan lagi hala tuju kearah globalisasi dengan mendapat pensijilan ISO 9001:2000 dalam P&P untuk seluruh sistem. Ianya amat signifikan kerana pengiktirafan ini bermakna graduan yang dihasilkan oleh UiTM adalah mereka yang mengikut P&P mengikut piawaian antarabangsa. Pihak yang akan mengambil graduan sebagai kakitangan mereka tidak perlu sangsi kerana pengiktirafan ini mencerminkan yang UiTM telah menepati semua keperluan kualiti dan pelaksanaan kurikulum adalah berlandaskan kehendak industri yang terkini dan relevan untuk digunapakai di seluruh pelusuk dunia.

### **Adunan Tempatan**

Mahasiswa dan mahasiswi IPT khususnya UiTM perlu didedahkan mengenai halatuju negara secara amnya. Dalam usaha mereka untuk menepati kurikulum yang berlandaskan piawaian antarabangsa, mereka mesti sedar yang semua ini adalah untuk memacu Malaysia ke arah yang lebih maju dan hebat. Misi Nasional yang mana kemajuan dalam pelbagai bidang duniawi dan ukhrawi menjadi agenda utama, aspek-aspek yang menekankan pemerksaan dan memartabatkan bangsa dan budaya harus disematkan dalam sanubari mahasiswa dan mahasiswi.

Willis (1987) menyatakan yang konsep membudayakan ilmu dan menerapkan ciri-ciri kebangsaan telah lama diamalkan di negara barat. Konsep yang sama boleh diterapkan di UiTM di mana penekanan terhadap budaya cintakan ilmu di kalangan pelajar tanpa menenggelamkan ciri-ciri cintakan agama dan bangsa. Jatidiri pelajar terhadap negara mesti dihayati walaupun mereka mungkin berada di persada antarabangsa pada suatu masa kelak. Kakitangan firma terkenal Jepun dan negara barat masih mengekalkan budaya dan gaya hidup negara mereka walaupun mereka berada di negara lain semasa bertugas.

Penghayatan seperti ini mesti diterapkan di kalangan pelajar kita kerana ianya akan dapat mengekalkan semangat patriotisma dan cintakan negara. Mereka tidak akan mudah mengalah dalam menghadapi sesuatu cabaran kerana hadirnya mereka di negara luar bukan semata-mata untuk kemajuan organisasi atau firma mereka sahaja tetapi mereka ialah duta kepada negara kita. Baik buruknya mereka akan dinilai dalam semua aspek yang mereka tunjukkan.

### **Peranan Universiti dan Tenaga Pengajar**

Y.B Datuk Mustapha Mohamed, bekas Menteri Pengajian Tinggi menegaskan bahawa universiti perlu menyediakan ruang dan kemudahan yang kondusif untuk semua pelajar terutama pelajar antarabangsa yang datang ke negara ini bagi menuntut ilmu, supaya proses P&P dapat berjalan dengan baik dan mengikut amalan atau piawaian antarabangsa. UiTM sebagai contoh, telah menyediakan suasana dan prasarana yang lengkap untuk tujuan ini. Pusat pelajar antarabangsa telah ditubuhkan di kampus induk Shah Alam untuk memberi kemudahan dan perkhidmatan kepada ramai pelajar antarabangsa yang datang belajar di sini. Dengan adanya ramai pelajar antarabangsa ini, secara tidak langsung pelajar kita dapat berinteraksi dan bertukar pendapat dengan mereka, lantas meluaskan pandangan pelajar kita dalam aspek global dan universal. Pelajar kita dapat juga mempelajari dari mereka mengenai aspek kebudayaan, cara hidup dan sistem nilai yang diamalkan oleh rakan-rakan mereka dari luar negara. Ini adalah sebagai persiapan pelajar kita untuk berhadapan dengan pelbagai ragam manusia semasa mereka bertugas

sebagai penjawat di sesebuah organisasi kelak. Peranan tenaga pengajar dalam memberikan ilmu yang terbaik kepada pelajar amat penting. Pensyarah perlu berfikiran terbuka dalam memberi pendapat serta bersedia untuk menerima kritikan dari pelajar dan juga rakan sejawat. Aspek-aspek global dan universal mestilah diterapkan kepada siswa siswi kita tanpa melanggar etika dan prinsip-prinsip agama. Syed Arabi (2008) menggalakkan tenaga pengajar supaya lebih fokus dalam tugas agar siswa siswi yang dilahirkan ini mempunyai kualiti yang menyeluruh. Beliau juga menekankan supaya universiti secara amnya mestilah mengamalkan konsep penandaarasan di mana universiti terkenal dunia dijadikan kayu pengukur untuk mencapai objektif yang telah disasarkan. Ini bermakna tenaga pengajar perlu melengkapkan diri sebagai seorang warga pendidik yang menyeluruh dengan mempunyai ciri-ciri global seperti peka kepada dunia sekeliling, proaktif dalam penyelidikan dan prihatin terhadap keperluan pelanggan yang berurusan dengan universiti dan juga menggunakan pendekatan yang bersesuaian dan terkini semasa berhadapan dengan pelanggan utama mereka iaitu pelajar.

Bagi pengurusan universiti pula, penandaarasan memerlukan mereka untuk mengkaji dan melaksanakan amalan kualiti yang telah diamalkan oleh IPT global. Mereka perlu memastikan yang semua kursus dan silibus yang ditawarkan menepati amalan antarabangsa supaya semua graduan yang dihasilkan boleh diterima oleh unversiti luar jika mereka berhajat untuk melanjutkan pelajaran atau memulakan kajian terutama dalam bidang sains dan teknologi. Sudah tentulah pengurusan universiti tidak mahu graduan yang dihasilkan tidak diterima oleh mana-mana universiti atau firma-firma yang terkenal hanya kerana apa yang dipelajari oleh graduan ini tidak mengikut piawaian atau amalan terbaik yang telah lama diguna pakai oleh IPT lain.

## **Budaya Ilmu: Satu Konsep Global**

Nabi Muhammad S.A.W telah berpesan kepada umatnya, *"Tuntutlah ilmu walau sampai ke negeri Cina"*. Rasul kita telah menekankan konsep budaya ilmu ini kepada umatnya kerana dengan ilmu sajalah dapat kita menerangi segala kegelapan yang manusia hadapi serta ilmu juga akan memecahkan segala kebuntuan yang manusia alami. Mahathir (1986) menyatakan yang pendidikan dalam pelbagai bidang yang berteraskan penerimaan dunia sejagat akan membawa kemajuan dan kesejahteraan kepada semua masyarakat. Pendidikan juga akan membawa manfaat, bukan sahaja kepada individu, tetapi juga kepada masyarakat dan negara secara menyeluruh. Kita telah lihat bagaimana masyarakat yang mementingkan budaya ilmu kepada anggotanya akan berjaya menawan pentas antarabangsa kerana ilmu yang diterima oleh semua akan memberi kekuatan kepada mereka yang menerokanya. Bidang sains dan teknologi sebagai contoh, telah mengangkat Negara Jepun yang satu ketika dulu hancur kerana Perang Dunia Kedua sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar dunia. Walaupun tidak mempunyai sumber asli yang banyak, Jepun berjaya mengeksport pelbagai barangan yang berasaskan sains dan teknologi keseluruh dunia kerana budaya ilmu dan pendidikan yang mantap telah lama diterapkan di kalangan masyarakat di sana. Mereka telah berjaya mencapai taraf global sejak dulu lagi kerana Jepun sedar barangan yang diterima oleh masyarakat antarabangsa mestilah produk berkualiti dan memenuhi citarasa dan kehendak global.

Negara-negara Scandinavia pula telah berjaya meningkatkan produktiviti dan hasil pendapatan negara melalui dagangan berbentuk perkhidmatan dan harta intelek. Finland dan Sweden, walaupun mempunyai penduduk yang tidak sampai puluhan juta berjaya menghasilkan produk yang bernilai tinggi kerana kepakaran mereka ialah menghasilkan produk yang berasaskan kepada pengetahuan seperti perisian komputer dan produk-produk canggih yang diguna oleh seluruh dunia. Bentuk ekonomi baru yang berasaskan pengetahuan menunjukkan

negara berkenaan mempunyai penduduk yang berpengetahuan tinggi dan mampu bersaing dengan negara lain kerana produk yang dihasilkan dan perkhidmatan yang disediakan mempunyai nilai tambah. Pelajar kita perlu disemaikan semangat untuk berjaya berasaskan ilmu dan pengetahuan yang tinggi supaya mereka dapat menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang boleh diterima dan diiktiraf oleh dunia. Pengiktirafan melalui badan-badan dan piawai antarabangsa juga akan memastikan pelajar yang kita hasilkan ini diterima di semua negara. Oleh sebab itu, nilai ilmu haruslah dipupuk di kalangan pelajar supaya mereka akan sentiasa bertindak berdasarkan ilmu dan pendedahan yang diperolehi.

### **Mahasiswa Glokal: Cabaran Masa Kini dan Hadapan**

Dr. Asrul Zamani (2003) berpendapat kita harus selalu memberi penghargaan kepada mereka yang berjaya dan yang mempunyai daya fikiran yang tinggi. Kita tidak boleh menyisihkan mereka yang berpengetahuan kerana negara memerlukan mereka untuk terus maju dan dapat bersaing di masa hadapan. Negara juga memerlukan mereka kerana usaha kita untuk meningkatkan profil di persada dunia memerlukan para ilmuan dan usahawan yang mampu melangkah dengan pantas dan melebarkan rangkaian strategik dengan rakan niaga yang lain di peringkat antarabangsa. Kejayaan yang diperolehi tidak boleh diperlekehkan malah ia sepatutnya merangsang individu lain untuk berusaha dengan lebih gigih lagi.

Usaha UiTM melalui modul latihan pembangunan dan kepimpinan pelajar (LKPP) telah mendapat pengiktirafan dari Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha kita untuk membentuk daya saing dan daya tahan yang tinggi di kalangan pelajar. Cabaran masa kini yang datang dari berbagai sudut akan benar-benar menguji samada pelajar kita mampu bertahan untuk tempoh masa yang panjang. Berbagai latihan dan pendedahan yang diberikan mesti mengambil kira keperluan pelajar untuk bersaing. Elemen keyakinan diri, kekuatan mental dan fizikal adalah di antara yang bakal menentukan samada graduan kita akan berjaya atau gagal di persada antarabangsa.

Isu-isu global menjadi perkara yang hangat diperkatakan sejak kestabilan ekonomi dunia menjadi goyah mulai lewat 2007 dan akan hanya reda pada tahun 2009. Persoalan dalam akhbar *New Straits Times* bertarikh 15 Disember 2008 ialah samada Malaysia akan terus menjadi destinasi pelaburan dana antarabangsa dan juga samada firma Malaysia akan dapat memberikan perkhidmatan dan kontrak yang kompetitif di negara luar. Ini memerlukan satu perancangan yang berterusan oleh IPT dalam melahirkan graduan yang boleh berhadapan dengan semua persoalan yang diajukan oleh akhbar tadi. Persoalan masa kini juga memerlukan perancang dan pelaksana polisi di peringkat kerajaan untuk sama-sama menilai samada kurikulum yang digunakan oleh semua IPT dapat menghasilkan graduan yang ideal untuk mencapai objektif yang telah digariskan oleh negara secara amnya.

Datuk Oh Siew Nam, Pengerusi PPB Group Berhad menggariskan dua cabaran penting dalam usaha negara untuk menangani masalah ekonomi dunia pada masa hadapan. Isu pertama ialah guna tenaga kerja dan isu kedua pula ialah pendatang asing. (*New Straits Times*, Disember 2008). Pendapat beliau selari dengan mereka yang berurusan dengan firma lain, iaitu Malaysia mesti melihat isu untuk menangani krisis ekonomi dunia dengan lebih menyeluruh dan perlu menggunakan pendekatan yang pelbagai supaya kita masih terus kompetitif dimasa hadapan. Graduan yang dihasilkan oleh IPT dan lebih-lebih lagi UiTM perlu peka dengan perubahan yang berlaku dalam dan luar negara. Masa hadapan tidak menjanjikan sesuatu yang indah, tetapi jika kita berusaha dengan mengambil pelbagai langkah proaktif, nescaya graduan kita boleh membawa kejayaan untuk negara.

## Penutup

Usaha murni setiap warga UiTM dan IPT untuk melahirkan graduan berfikiran global dan berteraskan elemen tempatan perlu berterusan dan menyeluruh. Jika tenaga pengajar bersikap proaktif dan inovatif dalam proses P&P, maka graduan yang dihasilkan mampu membanggakan institusi dan negara kita secara amnya. Elemen penandaarasan dalam proses P&P dan juga penyediaan kemudahan pelajar akan dapat membantu organisasi kita untuk melihat sejauh manakah objektif yang telah digariskan dapat dan telah tercapai. Penggunaan sumber-sumber yang di telah disediakan oleh organisasi perlu dioptimakan kerana perubahan dunia luar tidak menunggu apa yang kita lakukan. Ini bermakna, kita mesti tahu hala tuju organisasi kita dengan teliti dan mampu memberi sumbangan yang membina kepada mereka yang memerlukan. Kejayaan kita untuk melahirkan mahasiswa 'GLOKAL' akan memastikan masa depan negara cerah dan anak didik kita mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang disegani dan dihormati oleh warga dunia.

## Rujukan

Asrul Zamani. (2003). *The Malay ideals*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre.

Mahathir Mohamad. (1986). *The challenge*. Selangor: Pelanduk Publication

Modul Latihan Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar. (2005). Shah Alam: Unit Penerbitan Universiti (UPENA).

New Straits Times, 4 December 2008

New Straits Times, 15 December 2008

Syed Arabi Idid. (2008). *Malaysia at 50: Achievement and aspirations*. Singapore: Thomson Learning

---

MOHD NASIR IBRAHIM, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Pahang.  
mohdnasir@pahang.uitm.edu.my